

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Lokman Mohd Tahir
Jabatan Asas Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia.
&
Hamidon Abdul Rahman
Institut Aminudin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia

ABSTRAK: Penulisan ini membincangkan konsep dan kepentingan etika dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan yang agak kurang diberikan penekanan sebelum ini. Etika merupakan teras utama di dalam kita membentuk pemimpin pendidikan yang berakauntabiliti. Penulisan ini juga cuba mengkaji faktor, masalah, definisi serta persoalan etika terutamanya yang menyentuh atau berkait dengan aspek pendidikan berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahukan konsep jasmani, emosi, rohani dan intelek ditetapkan bukan hanya untuk pelajar tetapi di kalangan pemimpin pendidikan dan pendidik. Saranan juga diberikan untuk mewujudkan sekolah dan organisasi yang mementingkan etika di dalam perkhidmatannya.

PENGENALAN

Guru Besar diminta membela diri :

"M.Gopalan , Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil didapati bersalah oleh Mahkamah Syeksyen setelah melakukan kesalahan pecah amanah terhadap tiga keping cek berjumlah RM 3,305.40 kepunyaan seorang guru kontrak sekolah itu".

Jika dilihat senario di atas, ia memperlihatkan kes pecah amanah yang melibatkan seorang pengurus serta pentadbir pendidikan yang diamanahkan oleh negara untuk menjalankan serta menguruskan hal ehwal pendidikan negara. Persoalannya sekarang, mengapa penyalahgunaan ini berlaku? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menyekat perlakuan ini diambil pada berleluasa serta jika senario yang berlaku di atas tidak dibendung, pelajar dan pendidik akan hilang kepercayaan kepada pemimpin pendidikan. Pemimpin pendidikan merupakan "role model" kepada para pelajar dan pendidik kerana mereka dianggap sebagai golongan yang telah mendapat kepercayaan dan tanggungjawab untuk mentadbir sesebuah organisasi milik kerajaan. Oleh itu, mereka haruslah memastikan bahawa kepercayaan serta tanggungjawab yang diamanahkan itu dilaksanakan dengan jujur dan amanah.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Sebenarnya, penekanan yang lebih kepada etika dalam perkhidmatan kerajaan ialah dengan memastikan konsep tanggungjawab dan akibat tingkahlaku seseorang atau profesion itu dilaksanakan dengan sejurus mungkin dan setiap anggota kerajaan yang memikul tanggungjawab itu akan memastikan setiap perjalanan dan pengurusan dijalankan dengan lancar dan berkesan (Mohd Tap et al, 1999). Etika berasal daripada perkataan Greek iaitu *ethic* yang membawa konotasi sebagai sikap atau adaptasi sesuatu golongan. Mackinnon (2001) mendefinisikan etika sebagai daripada kajian moral yang mengkaji perlakuan yang benar. Ilmu etika menerangkan perlakuan yang benar berdasarkan ilmu dan pengetahuan yang dikuasai guru. Secara tidak langsung, etika memberikan kesan intrinsik dan ekstrinsik kepada individu yang diambil tindakan serta teladan kepada guru-guru lain bahkan etika juga membantu membuat keputusan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang diwartakan dan diterima sebulat suara oleh ahli organisasi sekolah. Kesinambungan ini, etika akan membantu pengurus pendidikan meneliti keputusan iaitu dengan memikirkan sebab dan akibat sesuatu keputusan dan tindakan yang akan dilaksanakan nanti serta memberikan penjelasan bahawa sesuatu tindakan itu ialah untuk kebaikan bersama bukan kemahanian individu.

Masalah etika dalam pengurusan pendidikan

Mengapa etika begitu penting dalam bidang pengurusan pendidikan bagi menghasilkan pendidik serta pentadbir dan pengurus yang berkualiti yang dapat menerapkan ilmu pengurusan mereka. Art (1994) mengkaji masalah yang begitu berleluasa terutamanya dalam keadaan yang materialistik kerana manusia akan berusaha sedaya upaya untuk mencari kesenangan dan kemewahan. Muhamad Ruslan (2001) menyatakan beberapa faktor yang menyebabkan manusia akan melakukan perkara-perkara yang akan menyimpang daripada etika profesionalisme ialah :

- a. apabila ada peluang untuk melakukannya.
- b. ingin hidup lebih mewah, cepat kaya dan hidup secara materialistic.
- c. kurangnya penghayatan nilai etika serta agama.
- d. kurangnya penyeliaan pegawai atasan.
- e. kelemahan sistem pentadbiran, peraturan dan pelaksanaan kerja.

Profesionalisme guru agak tergugat dengan pelbagai pendedahan dari pihak media massa tentang kelemahan sistem pendidikan dan secara tidak langsung mengugat ketokohan seseorang guru daripada pandangan masyarakat. Namun, jika dikaji secara mendalam, terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan terjadinya perkara ini iaitu :

- a. tidak menyangka perbuatan itu menyalahi undang-undang.
- b. untuk kepentingan organisasi atau arahan majikan.
- c. menganggap perbuatan itu tidak akan diketahui umum.
- d. kepentingan kewangan.
- e. kurangnya dendaan, teguran daripada pihak atasan.
- f. sering berkelakuan yang melanggar undang-undang.
- g. dipengaruhi oleh golongan luar bidang .

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

- h. rasa kecewa dengan organisasi sama ada kerana prestasi atau kerana tidak dinaikkan pangkat.

Perlakuan yang tidak beretika itu sebenarnya berpunca daripada spek niat atau pun kemauan seseorang untuk memperoleh kemewahan untuk kesenangan diri. Namun, perlakuan tidak beretika juga boleh berpunca daripada faktor dalaman atau dimensi di dalam organisasi itu sendiri. Calabrese dan Roberts (2001) menyenaraikan beberapa faktor dalaman sesebuah organisasi tersebut yang boleh menyumbang kepada perlakuan yang tidak beretika iaitu:

- a. Struktur organisasi
Struktur yang kompleks dan banyak hiraki akan menyebabkan pekerja akan cepat merasa bosan kerana terlalu banyak peraturan yang harus dipatuhi.
- b. Bentuk komunikasi
Bentuk komunikasi tertutup dan corak pentadbiran yang lebih mementingkan rakan akan menyebabkan guru lain merasa bosan dengan sikap pengurusan serta sikap pihak pengurusan tidak mengambil kira “human factor” atau perasaan kakitangan.
- c. Dominasi politik
Dominasi dan penguasaan politik yang keterlaluan oleh pihak pengurusan dan kumpulannya akan menyebabkan rasa hormat pihak kakitangan kepada pihak pengurusan akan berkurangan dan pihak pengurusan menganggap mereka mempunyai kuasa untuk memerintah dan bukan untuk berkhidmat.
- d. Pengabaian kepada kebijakan
Kurangnya penghargaan dan kebijakan menyebabkan guru kurang hormat kepada pemimpin pendidikan dan sering melakukan kesalahan.

Ini menunjukkan perlakuan yang tidak beretika itu berpunca daripada pelbagai aspek dan pengurusan dan pentadbiran pendidikan perlu menjadikan diri mereka contoh kepada guru lain agar mementingkan aspek etika di dalam kepimpinan yang dijalankan di sekolah. Pemimpin yang dihormati ialah pemimpin yang dapat beretika dari segi sahsiah dan perbuatan. Faktor lain yang menyumbang kepada perlakuan tidak beretika ini ialah di kalangan guru atau pemimpin pendidikan sendiri merasa keliru perbezaan antara etika dengan undang-undang yang digunakan dalam sektor pendidikan. Oleh itu, penelitian seterusnya perlu melihat perbezaan antara kedua konsep tersebut.

Perbezaan antara Undang-undang dengan Etika

Etika adalah sebahagian daripada undang-undang yang mestilah dipatuhi oleh seseorang pekerja atau kakitangan. Sebenarnya etika membawa konotasi yang berbeza dengan undang-undang.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

- a. Undang-undang ialah satu peraturan yang ditentukan oleh sesebuah organisasi kakitangan yang melanggar undang-undang akan dikenakan denda yang setimpal, manakala etika merupakan tindakan yang lahir dari hati nurani seseorang tersebut dan perbuatan melanggar etika akan menimbulkan rasa bersalah.
- b. Peraturan dengan mematuhi etika selalunya dapat mengelakkan seseorang kakitangan daripada melanggar undang-undang. Contohnya memakai baju batik sewaktu pengajaran dianggap melanggar etika profesionalisme pendidikan tetapi tidak melanggar undang-undang.
- c. Etika menyebabkan seseorang itu tidak akan mengulangi perbuatan yang bertentangan manakala undang-undang pula walaupun dikenakan hukuman tetapi masih lagi mengulangi perbuatan tanpa rasa serik. Perbuatan melanggar undang-undang yang dikenakan hukuman akan menimbulkan konflik antara pekerja dengan pengurus.
- d. Etika mementingkan perlakuan dan tindakan yang baik dan ia cuba akan menjauhkan diri pekerja daripada perlakuan yang melanggar undang-undang.

Secara tidak langsung, sektor pendidikan mengajar etika kepada pelajar atau pelanggan namun penekanan agak longgar dan ia perlu diberikan penekanan terutamanya di kalangan pentadbir dan pemimpin pendidikan. Amnya, etika dan pendidikan mempunyai konsep yang selari iaitu untuk menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelek perlu bermula daripada sekolah yang mempraktikkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Etika dan Perkhidmatan Pendidikan

Semua organisasi di dunia berhasrat menjadi sebuah organisasi yang bersih serta ikhlas dalam memenuhi kehendak pelanggannya sama ada di sektor awam maupun sektor swasta. Sektor pendidikan merupakan sektor yang terpenting dalam membentuk etika di kalangan pegawaiannya kerana ia berperanan melahirkan golongan pewaris pada masa akan datang. Guru-guru merupakan “role-model”, contoh dan teladan kepada golongan ini. Apakah yang akan berlaku jika “role-model” didapati melanggar peraturan atau melanggar etika? Mungkinkah akan hilang rasa hormat pada seseorang guru?

Keberkesanan perkhidmatan yang diberi menggambarkan mutu serta penghasilan pada masa akan datang. Jika lemah perkhidmatan yang diberikan maka lemahlah prestasi atau penghasilan kerja graduan yang memperolehi ilmu daripada kita.

Mermatuhi syarat perlantikan sewaktu mula menjadi guru sebenarnya merupakan perjanjian kita dengan kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak pelanggan kita iaitu pihak ibu bapa dan pelajar. Kita berikrar untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik untuk pihak pelanggan. Oleh itu, kita juga perlu menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

pegawai yang lebih tinggi pangkatnya dan tidak ketinggalan kepada pelanggan kita. Sebenarnya, perlantikan yang kita tandatangani itu adalah perjanjian memegang amanah agar memberikan layanan yang terbaik.

Antara perlakuan yang dianggap sering bertentangan dengan etika pengurusan perkhidmatan ialah:

- a. mengamalkan sikap pilih kasih sesama guru-guru .
- b. menjalankan sesuatu perlakuan atau perbuatan yang memberikan keuntungan kepada peribadi ketika bekerja.
- c. tingkah laku yang bertentangan dengan nilai, etika dan norma sesebuah negara.
- d. tingkah laku yang bertentangan dengan etika serta moral sesebuah masyarakat.

Kepentingan Etika dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan

Apakah relevannya konsep etika jika ia diselitkan atau menjadi sebahagian daripada topik perbincangan dan silibus dalam melatih bakal pemimpin pendidikan pada masa akan datang. Amnya, pemimpin pendidikan akan dapat membuat pertimbangan secara bertika untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah untuk organisasi. Starratt (1994) menjelaskan bahawa setiap tindakan atau keputusan yang diambil mestilah memberikan kelebihan atau faedah semua ahli di dalam organisasi berkenaan. Antara kelebihannya ialah :

1. ia sebenarnya banyak menolong pemimpin pendidikan untuk membuat keputusan tentang sesuatu tindakan yang mungkin diambil seperti yang telah dibincangkan.
2. pentadbir pendidikan dapat menjelaskan mengapa atau ‘why’ sesuatu perkara tersebut berlaku. Contohnya pelanggaran disiplin pelajar berkait rapat dengan etika. Greenfield (1997) menjelaskan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh pengurus akan disokong oleh pihak guru. Beliau mengkaji tuntutan seperti ini akan mengurangkan lagi dilema yang berpunca daripada konflik pihak pengurus dengan guru.
3. menilai atau menjelaskan bagaimana seseorang ketua itu dapat melayan atau memotivasi guru di bawahnya bersesuaian dengan konsep etika antara pelanggan dengan pengurus pendidikan
4. menjelaskan lagi falsafah pendidikan yang menekankan objektif untuk melahirkan insan yang komil. Konsep ini menganggap guru sebagai ‘role model’ dan guru menganggap pengurus sebagai ‘role model’ mereka. Starratt (1994) menjelaskan bahawa menjadi tanggungjawab pengurus untuk membentuk institusi yang beretika.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Kepentingan etika kepada pengurus pendidikan secara tidak langsung akan mendidik atau menanamkan sifat ingin mengangani masalah etika yang jika tidak dibendung akan berleluasa terutamanya di dalam sektor pendidikan.

Bagaimana pemimpin pendidikan menangani dilema etika

Sebagai seorang pengurus pendidikan, sudah menjadi tanggungjawab untuk mengurangkan jurang di antara pengurus dengan pihak guru. Kajian Projek Kepimpinan yang ditaja oleh Yayasan Kellogg (1997) melihat kepimpinan pada abad ke 21 menekankan beberapa konsep yang perlu diberikan perhatian terutamanya oleh pemimpin pendidikan pada masa kini :

- a. mencipta persekitaran yang membantu serta dan menggalakkan kakitangan supaya berkembang, membangun serta hidup di dalam aman dan damai.
- b. mementingkan keharmonian persekitaran yang memberikan ketenangan untuk generasi akan datang.
- c. menghasilkan komuniti yang saling bertoleransi antara satu sama lain dan berkongsi tanggungjawab iaitu setiap orang bertanggungjawab, mementingkan kebajikan dan menghormati orang lain.

Tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan konflik antara pengurus dengan guru ialah:

- a. pengurus sendiri mesti menggelakkan perlakuan yang tidak etika contohnya datang awal sama seperti guru-guru atau pegawai yang lain
- b. menekankan konsep penyayang, mengambil berat, dalam menjalankan dan mengagihkan tugas kepada kakitangan. Pihak sekolah sering menekankan konsep masyarakat penyayang kepada pelajar. Konsep penyayang sebenarnya berakar umbi daripada pengagihan serta pemupukan nilai murni daripada pemimpin pendidikan kepada pendidik, barulah ia berkesinambungan kepada para pelajar
- c. berani menegur, mengkritik dan memberikan pandangan yang bernas tentang sesuatu tindakan yang melanggar etika perkhidmatan.
- d. pengurus juga hendaklah melihat kesan-kesan yang akan dialami oleh kakitangan akibat daripada perlakuan tersebut.

Beberapa cadangan serta langkah yang digariskan di atas sebenarnya cuba untuk memberikan panduan serta landasan untuk menghasilkan sesebuah organisasi yang mempunyai konsep nilai murni dan mungkin selesa untuk kakitangan berkhidmat.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Cadangan mewujudkan sekolah yang beretika

Sichel (1993) mencadangkan beberapa langkah yang boleh dijadikan panduan untuk mewujudkan sekolah yang beretika iaitu pihak pengurusan hendaklah menubuhkan satu **jawatankuasa etika** yang berperanan bukan untuk membuat undang-undang atau menentukan guru mematuhi undang-undang tetapi sebagai badan menasihati guru yang menghadapi masalah etika atau yang melanggar peraturan. Dengan wujudnya jawatankuasa etika atau disiplin secara tidak langsung dapat menjadi badan perantara di antara pihak pentadbir dengan guru serta ia juga dapat mengurangkan konflik yang dihadapi di antara pentadbir dengan guru.

Sergiovanni (1992) mengkaji sekolah yang boleh diklasifikasikan berkesan merupakan sekolah yang mempunyai perjanjian (covenant) yang mementingkan nilai-nilai dan etika yang cemerlang. Pengurus pendidikan harus mempraktikkan apa yang dipersetujui antara guru dengan pihak pengurusan. Gardner (1995) menjelaskan lagi cadangan untuk melahirkan sekolah yang beretika ialah melalui kepimpinan yang beretika serta memperlihatkan teladan serta “role-model” untuk diikuti oleh semua guru dan kakitangan.

Richardson et al. (1992) mendapati bahawa kejujuran adalah perkara pokok hubungan antara pengurus dengan pihak guru. Pengurus juga hendaklah bertanggungjawab terhadap kesilapan yang telah dilakukan dan bukan hanya menuding jari kepada guru yang melakukan kesilapan malah mencari cara untuk menyelesaikan masalah berkenaan. Konsep akauntabiliti dan “stewardship” yang dikemukakan agar semua masalah hendaklah dikongsi bersama-sama dan bukan mengabaikan tanggungjawab mereka (Block,1993). Pendapat dan saranan di atas sebenarnya mempunyai kesetaraan dengan konsep mewujudkan sekolah beretika yang mempunyai nilai-nilai murni .

Model “Sekolah Etika” oleh Starrat (1994) menggariskan tiga perkara utama yang perlu diteliti oleh pihak pemimpin pendidikan. Beliau mengkategorikan tiga dimensi utama tunjang konsep sekolah beretika iaitu:

a. Dimensi etika mengambilberat

Etika ini menekankan konsep yang mementingkan hubungan di dalam organisasi. Guru hendaklah mengambil berat tentang pelajar dan seseorang pemimpin pendidikan mestilah mengambilberat kebijakan guru.

b. Dimensi etika keadilan

Etika ini menekankan layanan yang adil oleh pihak pengurus kepada guru dan guru kepada pelajar. Kebijakan ini dapat merangkumi konsep penyediaan persekitaran yang kondisif kepada pembelajaran. Persekitaran yang kondusif bukan bermakna mencantikkan sekolah dengan bunga-bunga tetapi memberikan dan menambah jumlah buku dan kemudahan perpustakaan, menambah jumlah komputer, akhbar di dalam darjah dan sebagainya yang memberikan keadilan kepada semua pelajar menikmati

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

organisasi pembelajaran. Konsep “peluang belajar” (opportunity to learn) merupakan konsep yang patut ditekankan untuk melahirkan organisasi pembelajaran.

C. Dimensi etika kritikan

Etika ini mengkehendaki golongan pemimpin pendidikan memikir sejenak bahawa siapakah yang memperolehi keuntungan atau faedah daripada sesuatu program yang diadakan atau dijalankan di sekolah? Siapakah yang patut diberikan keutamaan? Siapakah yang memegang autoriti? dan persoalan yang lain. Konsep etika kritikan ini mengalakkan perbincangan di kalangan kakitangan serta guru-guru dan secara tidak langsung mengurangkan konflik di antara kakitangan kerana pengurus mementingkan hubungan kemanusiaan.

Oleh itu, menjadi saranan kepada pihak pemimpin pendidikan mempunyai piawai atau garis panduan yang boleh diikuti agar mereka tidak lari daripada perlakuan yang tidak etika. Kellogg Foundation (2000) menyenaraikan beberapa dimensi utama etika yang boleh dijadikan garis panduan serta perlakuan yang boleh diikuti oleh pihak pengurusan sekolah dan dimensi itu memberikan penekanan kepada dimensi pengetahuan, dimensi pelaksanaan dan dimensi pencapaian. Melalui dimensi pengetahuan, setiap pengurus serta pemimpin pendidikan hendaklah mempunyai matlamat serta peranan kepimpinannya dalam masyarakat kini dan memberikan tumpuan kepada perlakuan yang bersifat etika. Dimensi pelaksanaan mengambilkira penggunaan etika di dalam membuat keputusan, membawa sekolah ke arah yang berguna kepada masyarakat dan mempunyai rasa bertanggungjawab kepada sebarang perlakuan atau tindakan yang telah dilaksanakan. Manakala, dimensi pencapaian menumpukan kepada memberikan penilaian perlakuan nilai-nilai murni seseorang. Menekankan pencapaian yang tinggi tanpa menepikan konsep etika, menilai kesan tindakan pentadbiran kepada kakitangan bawahan, menggunakan sumber yang ada untuk kepentingan sekolah dan bukan peribadi, melayan semua orang adil dengan rasa hormat-menghormati antara satu sama lain dan mematuhi peraturan serta tanggungjawab yang telah diwartakan.

Cadangan untuk menambahbaik konsep etika di sekolah

Konsep kontrak sosial yang menjelaskan bahawa penyedia perkhidmatan hendaklah memberikan layanan yang terbaik untuk pelanggan iaitu pelajar. Oleh itu, dalam menjalankan kepimpinan di sekolah, konsep kepimpinan yang utama ialah *shared leadership*. *Shared leadership* menekankan beberapa konsep utama iaitu :

- a. kepimpinan merupakan perkara utama di dalam memperbaiki organisasi dan budaya sekolah.
- b. kepimpinan melibatkan kepercayaan kepada orang lain.
- c. guru, kakitangan dan pengurus merupakan keluarga yang saling bekerjasama.
- d. komuniti mesti dilibatkan sama dalam menjalankan program sekolah.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Konsep *shared Leadership* se benarnya menekankan penghasilan keputusan yang bukannya 100 peratus terletak di dalam tangan pengetua. Namun pihak guru, komuniti dan ibu bapa juga juga mempunyai peranan dalam menjayakan matlamat sekolah atau organisasi. Secara tidak langsung, *shared leadership* juga memberikan penekanan kepada aspek pengurusan dan perjalanan sekolah yang berkesan dan Reboore (2001) menjelaskan perjalanan sekolah memenuhi keperluan etika dengan pelanggan kita , konsep utama ialah

- a. pihak pengurus perlu memastikan bahawa guru yang diminta untuk mengajar subjek itu bersedia dan sesuai dengan tugas yang diberikan.
- b. penilaian prestasi di sekolah hendaklah berdasarkan kepada pencapaian serta kejayaan dan kelayakan yang diperolehi.
- c. untuk mengelakkan berlaku *demotivation* di kalangan kakitangan, penilaian prestasi berlandaskan keadilan dan ciri-ciri objektif. Penilaian prestasi yang beretika juga secara tidak langsung akan mengurangkan konflik di antara guru dengan pihak pengurusan sekolah.
- d. kesedaran etika amat penting kerana ia akan memperbaiki kelemahan, merefleksi diri sendiri (*muhasabah*) dan melihat sekolah sebagai tempat pembentukan peribadi yang mulia terhadap pelanggan kita.
- e. tidak menunaikan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh juga dianggap tidak beretika kerana tidak dapat mengenari perjanjian kita dengan organisasi atau pelanggan.

Secara jelas, permimpin yang dihormati merupakan permimpin yang mementingkan tanggungjawab dan amanah serta mempunyai perwatakan dan keperibadian yang cemerlang agar dapat menjadi model terbaik di kalangan guru. Covey (1997) memberikan pandangan bahawa pemimpin yang bermoral ialah pemimpin yang menyenangkan hati orang bawahan ketika berbincang. Pemimpin ini mengamalkan konsep syura iaitu dengan menerima pandangan serta teguran orang lain sesuai dengan konsep *shared leadership* yang telah diperjelaskan di atas.

McDermott dan O'connor (1994) menjelaskan perkara utama yang patut dilakukan oleh pengurus ialah percaya kepada orang lain dan secara tidak langsung ahli kumpulan akan melakukan yang terbaik kerana adanya kepercayaan daripada pihak pemimpin. Pemimpin dilihat sebagai rakan dan bukan sebagai musuh yang sering menjadi konflik. Contohnya pengurus di sekolah mungkin boleh mengambil alih kelas guru jika guru itu tidak dapat hadir atau terpaksa berjumpa dengan ibu bapa. Kuzes dan Posner (1993) melihat bahawa jika kepercayaan hilang daripada pentadbir, maka kejujuran dan keikhlasan di dalam menjalankan tugas juga akan hilang.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

KESIMPULAN

Dalam memimpin organisasi , konsep kepimpinan “doing the right thing” iaitu membuat perkara yang betul, dapat membantu pemimpin dan kakitangan melaksanakan apa yang dituntut oleh organisasi agar pekerjaan tersebut tidak melanggar etika pekerjaan. Sektor pendidikan merupakan “role model” kepada pelanggan iaitu pelajar atau generasi pewaris pada masa akan datang. Pendekatan etika sebenarnya mendapati bahawa perlakuan yang melanggar etika perguruan berpunca daripada sikap pemimpin sendiri yang bagaikan “ketam mengajar anaknya berjalan dengan betul”.

RUJUKAN

- Art, B. (1994). *Ethics and The Good Life*. Belmont: Wadsworth Publishings.
- Block, P. (1993). *Stewardship: Choosing Service over Self Interest*. San Francisco: Berret Koehler.
- Calabrese, R. dan Roberts, W. (2001). Ethics for Principals, *Education Digest*, 71 (7), 16.
- Covey, S.R. (1997). *The Seven Habits of Highly Effective People*. New York: Simon dan Schuster.
- Gardner, H. (1995). *Leading Minds: An Anatomy of Leadership*. New York: Basic Books.
- Greenfield (1997), R.K. *Servant Leadership* . New York: Paulist Press.
- Kidder, R.M. (1995). *How Good People Make Tough Choices*. New York: William Morrow.
- Kellog Foundation (1997). ISLLC Standards. Michigan.
- Kuzes, J. dan Posner, B. (1993). *Credibility: How Leaders Gain and Lose It, Why People Demand it*. San Francisco: Jossey Bass.
- Mackinnon, B (2001). *Ethics: Theory and Comtemporary Issues*. Stamford: Thompson Learning.
- McDermontt, C. dan O'Connor, M (1994) Reflections on Ethics and Intergrity. *HR Focus* (April, 5)
- Mohd Tap Salleh et al. (1991). *Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia. Kuala Lumpur.
- Muhamad Ruslan Salihin (2000). Kesedaran Etika dan Hubungannya dengan Komitmen Terhadap Organisasi. Kajian kes di kalangan kakitangan Majlis Perbandaran Kelang. Projek Sarjana Pengurusan Sumber Manusia (Pengurusan Teknologi), Universiti Teknologi Malaysia.
- Rebore, R. (2001). *The Ethics for Educational Leadership*. Heinemann Books.

PERANAN ETIKA DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

- Richardson et.al. (1992) *Teacher Perception of Principal Behavior*, A paper presented at the annual meeting of the Mid-South Educational Research Association, Knoxville, Tennessee, November .
- Starrat, R.J. (1994). *Building an Ethical schools: A Practical Response to the Moral Crisis in Schools*. London: Falmer Press.
- Sergiovanni, T.J. (1992). *Moral Leadership: Getting to the Heart of School Leadership*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Sichel, B (1993). Ethics Committees and Teacher Ethics. In "Ethics for Professionals in Education: Perspectives for Preparation and Practice," edited by Kenneth Strike dan P. Lance Ternasky. 162-75. New York: Teachers College Press.